

09/11/1998

Singapura boleh guna ruang udara untuk SAR

TAMPIN, Ahad -Kementerian Pertahanan tidak ada masalah membenarkan pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) menggunakan ruang udara negara ini bagi operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Menterinya, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kebenaran itu sudah lama diberikan dan sepatutnya tidak timbul salah faham berhubung perkara itu.

Katanya, pihak yang ingin menggunakan ruang udara negara ini bagi operasi SAR perlu mengikut prosedur ditetapkan iaitu membuat permohonan dan kelulusan akan diberikan segera.

"Saya fikir tiada masalah. Apa yang kita mahu ialah menentukan mekanisme dapat dilaksanakan dengan sempurna," katanya selepas merasmikan bangunan MAYC Tampin di sini, petang semalam.

Beliau mengulas pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tok di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Antara perkara yang dibincangkan ialah masalah ekonomi, bekalan air dan penggunaan ruang udara negara ini.

Menurut Syed Hamid, sama seperti kenyataan Dr Mahathir pada pertemuan itu, kelulusan terhadap operasi SAR akan segera diberikan dan pegawai kementerian sudah lama diarahkan berbuat demikian.

Katanya, masalah berhubung kelulusan operasi SAR sebelum ini berpunca akibat salah faham.

Baru-baru ini, kerajaan Singapura mendakwa peraturan baru Malaysia melarang pesawat RSAF memasuki ruang udara negara ini yang berkuat kuasa September lalu menyebabkan operasi SAR terlewat.

Operasi itu bagi mencari sebuah helikopter Lynx milik Tentera Laut Diraja British yang terhempas di Laut China Selatan.

Syed Hamid berkata: "Tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Kita perlu mencari persamaan yang ada serta mempunyai semangat ingin mencari penyelesaian jika berlaku masalah.

"Jika sikap positif ini dapat diwujudkan, kerjasama yang lebih bererti dapat dicapai."

Sementara itu diminta mengulas kebenaran menggunakan ruang udara negara bagi latihan pesawat pejuang, katanya perkara itu berbeza dan enggan mengulas lanjut.

(END)